



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 17 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN TANI LEBIH 70 PERATUS, MALAYSIA KINI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	KADAR KEBOLEHPASARAN GRADUAN INSTITUT PERTANIAN CECAH HAMPIR 70 PERATUS - MOHAMAD SABU, ASTRO AWANI -ONLINE	
3.	69.5pct OF EMPLOYMENT RATE FOR STUDENTS GRADUATED FROM COLLEGE UNDER THE MINISTRY of, NATION, CHINA PRESS -A5	
4.	KEBOLEHPASARAN GRADUAN AGROMAKANAN LEBIH 70 PERATUS, NASIONAL, SH -22	
5.	GRADUAN PERTANIAN RAMAI DAPAT KERJA, NEGARA, KOSMO -6	
6.	KEBOLEHPASARAN GRADUAN TANI LEBIH 70 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -31	
7.	KEKURANGAN BENIH IKAN BERTERUSAN, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN
8.	RM160,000 IN SUMMONSES ISSUED ON PIG FARMING RELATED OFFENCES, NATION, CHINA PRESS -A7	
9.	NEW FOOD SECURITY HUB IN SEGAMAT, NEWS, THE STAR -4	
10.	'SEKARANG PUN DAH MULA NAIK', LOKAL, HM -6	
11.	DULU BANDUAN KINI TAUKE HALIA, LOKAL, HM -4	
12.	FASILITI DAGING KULTUR PERTAMA DI PULAU PINANG, NIAGA KOSMO -36	
13.	HARGA SAYUR NAIK, PENIAGA KEDAI MAKAN TERTEKAN, DALAM NEGERI, UM -29	
14.	HARGA BARANG ASAS TURUN NAIK, DALAM NEGERI, UM -29	
15.	HARGA BARANG NAIK: PENGGUNA PERLU BIJAK, JANGAN ASYIK SALAHKAN KERAJAAN SAHAJA, DALAM NEGERI, UM -29	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2023	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Kadar kebolehpasaran graduan tani lebih 70 peratus



PUTRAJAYA: Kadar kebolehpasaran graduan yang berjaya menamatkan pengajian di pusat-pusat latihan di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan secara puratanya mencapai antara 65 hingga 73 peratus. Menteri, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peratusan tersebut merupakan data yang direkodkan dalam tempoh masa lima tahun dengan kadar kebolehpasaran terkini sehingga 28

Februari lalu mencatatkan sejumlah 69.5 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan...

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kadar kebolehpasaran graduan institut pertanian cecah hampir 70 peratus - Mohamad Sabu



Datuk Seri Mohamad Sabu menyampaikan Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian kepada Rohaini Mohd Salman Murugasoo pada majlis Konvokesyen Pertanian ke-11 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya hari ini. - Foto BERNAMA

PUTRAJAYA: Kadar kebolehpasaran graduan institut pertanian Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan kini mencecah 69.5 peratus, kata Menteriya Datuk Seri Mohamad Sabu.

Bercakap pada sidang media selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Pertanian Kali ke-11 2023 di sini hari ini, Mohamad berkata kebanyakan graduan terbabit terlibat dalam industri pertanian dan menjadi usahawan agromakanan.

"Bidang pertanian dan agromakanan ini luas, jadi mereka (graduan) boleh pilih sama ada untuk bekerja di mana-mana syarikat atau usahakan perniagaan sendiri," katanya.

Beliau berkata sejak ditubuhkan pada 1969, institut pertanian di bawah kelolaan kementerian itu berjaya melahirkan 22,667 graduan terlatih yang memenuhi keperluan industri.

Graduan institut tersebut juga mengikuti Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) agar mereka tidak ketinggalan dalam gelombang Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0), katanya.

"Saya percaya segala kemahiran dan ilmu yang diperoleh akan membolehkan mereka meneroka lebih jauh dalam industri pertanian melalui aplikasi teknologi terkini dan menyumbang kepada sekuriti makanan serta kelestarian alam sekitar," katanya.

Sementara itu, graduan Institut Pertanian Titi Gantong, Perak, Rohaini Mohd Salman Murugasoo yang kini bekerja sebagai Pengurus Ladang di sebuah syarikat tanaman pokok hiasan dan pembekal alatan pertanian menyifatkan kerjaya tersebut sebagai memenuhi minatnya dalam bidang pertanian.

Anak jati Selangor yang berusia 25 tahun itu pernah mengusahakan ternakan kambing dan mengikuti beberapa siri kursus pertanian bagi melengkapkan diri dalam dunia pekerjaan.

"Saya nampak masa depan dalam bidang ini, malah saya juga bercita-cita untuk membuka ladang sendiri menggunakan teknologi IoT (Internet benda)," katanya yang menerima Anugerah Khas Ketua Pengarah Pertanian 2022.

-- BERNAMA

Headline	69.5pct of employment rate for students graduated from college under the Ministry of		
MediaTitle	China Press		
Date	17 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A5	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	66 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,302
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,906



逾2萬人畢業 農業學院就業率69.5%

（布城16日讯）农业及食品安全部旗下的农业学院，自1969年创立迄今，共有逾2万人毕业，就业率超过69.5%。

农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，这所成立于1969年的农业学院，至今已成功栽培了2万2667名熟练的毕业生，满足市场的需求。

他今日出席第11届农

业毕业典礼时说，这些毕业生主要从事农业领域的工作，或是成为农产品企业家。

“农业和农产品领域非常广泛，所以他们（毕业生）可以选择在任何公司工作，或是开创自己的事业。”

他还说，农业学院也融入了技职教育与培训计划（TVET），让学生可以跟上工业革命4.0的步伐。

Kebolehpasaran graduan agromakanan lebih 70 peratus

Kadar peratusan itu direkodkan bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini

Oleh TUAN BUQHAIKRAH
TUAN MUHAMAD ADNAN
PUTRAJAYA

Kadar kebolehpasaran graduan lepasan pusat latihan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) secara purata mencapai 65 hingga 73 peratus.

Menteri KPKM, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peratusan itu direkodkan bagi tempoh lima tahun kebelakangan ini.

"Setakat 28 Februari lalu, sebanyak 69.5 peratus dari-jaya menempatkan diri dalam pekerjaan, menerusi bidang masing-masing," katanya selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-11, di Pusat Konvokesyen Antarabangsa Putrajaya, di

sini pada Khamis.


Menurutnya, pemerksaan modal insan dalam sektor agromakanan memainkan peranan penting dalam pembangunan jangka panjang.

"Kebanyakan mereka menceburi bidang pekerjaan mengikut kursus pembelajaran, namun ada juga yang memilih menjadi usahawan agromakanan," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya Mohamad berkata, Kementerian melalui institut dan pusat latihan sentiasa menyemak dan menambah baik kurikulum yang digunakan pakai selain memperuntukkan sumber kewangan untuk pembangunan infrastruktur dan kemudahan bagi pelaksanaan program latihan yang dirancang.

"Semua ini dengan tujuan untuk melahirkan graduan yang

FOTO ROSLI TALIB



Mohamad (kiri) menyampaikan Anugerah Khas Pingat Emas Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan kepada Zulfacar Arief Zolhaimi pada Majlis Konvokesyen Pertanian Ke-11 di Putrajaya pada Rabu.

kompeten dalam pelbagai bidang pertanian, bukan sahaja bagi memenuhi permintaan tenaga mahir sektor awam dan swasta, malah bagi melahirkan graduan yang bakal menjadi usa-

hawan dalam bidang pertanian," katanya.

Seramai 629 graduan diraikan dalam majlis bersejarah itu. Darpada jumlah itu, 101 graduan tamat Diploma Kemahiran Malaysia, Sijil Kemahiran Malaysia (307 orang), Sijil Pertanian (156 orang), Sijil Veterinar Malaysia (45 orang) dan Sijil Perikanan (20 orang).

Tambahnya, Program Latihan Kemahiran Pertanian Kebangsaan (PLKPK) yang ditawarkan oleh Kementerian merupakan latihan berasaskan kompetensi kemahiran dan memfokuskan kemahiran teknikal dalam sesuatu bidang.

Sehingga kini, terdapat 15 pusat bertauliah di seluruh Malaysia yang menjalankan program PLKPK dengan 10 pilihan bidang pengajian.

Graduan pertanian ramai dapat kerja

PUTRAJAYA – Kadar kebolehasaran graduan yang berjaya menamatkan pengajian di pusat-pusat latihan di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan secara puratanya mencapai antara 65 hingga 73 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peratusan tersebut merupakan data yang direkodkan dalam tempoh lima tahun.

Katanya, kadar kebolehasaran terkini sehingga 28 Februari lalu mencatatkan 695 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan.

Menurutnya, kebanyakan mereka yang menamatkan pengajian berjaya selepas mencemburkan diri dalam bidang agromakanan, selain menjadi usahawan.

"Ada juga yang melanjutkan pelajaran, namun lebih 70 pe-

ratus dapat pekerjaan, jadi itu tinggi lah dalam bidang ini.

"Kalau kita lihat graduan yang mengambil kursus-kursus di universiti-universiti belum tentu dapat capai peratusan tersebut dalam keadaan ekonomi ketika ini.

"Yang bergraduasi dalam bidang penternakan, kita harap mereka terus berkecimpung dalam bidang sama kerana negara masih lagi mengimport 80 peratus daging lembu dan kambing.

"Jadi peluang ini masih terbuka luas untuk mereka yang ingin terlibat," katanya pada sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Perantaraan Kali Ke-11 Tahun 2023 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya di sini semalam.

Sementara itu, dalam ucapannya, Mohamad berkata, seramai 629 graduan berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2022.

Ia yang terdiri daripada 101 graduan Diploma Kemahiran Malaysia, 306 graduan Sijil Kemahiran Malaysia, 156 graduan Sijil Pertanian, 45 graduan Sijil Veterinar Malaysia, 20 graduan Sijil Perikanan serta lapan peritima anugerah khas.

Tambahnya, sejak penubuhan pusat-pusat latihan berkenaan pada 1969, ia berjaya mengeluarkan seramai 22,667 graduan terlatih dalam bidang pertanian dan agromakanan.

"KPKM melalui institut dan pusat latihan di bawah jabatan dan agensinya akan sentiasa menyemak dan menambah baik kurikulum yang diguna pakai.

Selain itu, ia turut memperuntukkan sumber kewangan mencukupi bagi pembangunan infrastruktur dan kemudahan bagi pelaksanaan program latihan yang dirancang," ujarnya.



GRADUAN bidang pertanian mendapat permintaan tinggi di pasaran kerja. — GAMBAR HIASAN (KOLEKSI HARIAN)

Kekurangan benih ikan berterusan

Oleh AIN SAFRE BIDIN
ufusannews@mediamula.com.my

IPOH: Masalah sukar mendapatkan benih ikan yang dialami penternak ikan dalam sangkar di negeri ini dijangka berterusan disebabkan ketidakmampuan di peringkat pembekal menghasilkan benih dalam kuantiti yang besar.

Ini diakui seorang pengeluar dan pembekal benih ikan air tawar di Gopeng dekat sini, Mohd. Aminudin Mohd. Zaibani yang mendakwa masalah kekurangan benih ikan air tawar disebabkan beberapa perkara terutama cuaca tidak menentu yang menjejaskan kadar penetasan telur ikan.

Menurutnya, kebiasaannya musim hujan pada November dan Disember tetapi kali ini berlanjutan hingga Mac yang mempengaruhi kadar penetasan telur ikan.

Katanya, apabila cuaca tidak menentu, aktiviti pembenihan ikan akan hentakan dan jika dijalankan juga, hasil yang diper-



MOHD. Aminudin Mohd. Zaibani (kiri) menunjukkan benih ikan yang dimerak di pusat ternakannya di Gopeng. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

oleh tidak mampu menampung kos yg dikeluarkan.

"Induk ikan tidak bertelur seperti kebiasaan, induk kekurangan telur mungkin disebabkan faktor cuaca.

"Benih yang jadi kurang daya tahan, mudah mati. Apabila musim tak menentu, ikan mu-

dah diserang penyakit dan mudah mati dan ini bukan sahaja berlaku kepada benih, tetapi juga terjadi kepada ikan yang bersaiz pasaran", katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Menurutnya, masalah kekurangan benih ikan terutama keli dan patin bukan sahaja berlaku di

Perak tetapi juga penternak ikan dalam sangkar di seluruh negara.

Katanya, masalah itu sudah berlaku sejak pertengahan tahun lalu dan belum ada jalan penyelesaian untuk bekalan benih kembali pulih.

"Masalah ini sudah berlaku sejak pertengahan tahun lalu

dan dijangka berterusan jika tidak diatasi dengan segera.

"Benih tilapia masih boleh dikawal tapi benih keli dan patin menghadapi masalah. Juga disebabkan kenaikan harga makanan ikan, harga keli dan patin berisiko untuk naik.

"Saya berharap agensi kerajaan yang berkaitan melihat ini sebagai satu isu yang besar kerana jika bekalan benih tidak ada, penternak tidak dapat meneruskan ternakan mereka, jadi kerajaan perlu mengambil langkah-langkah yang sepatutnya," katanya.

Sementara itu, Mohd. Aminudin menafikan dakwaan pihak pembekal mengutamakan tempahan dalam kuantiti yang banyak terutama penternak dari Pahang yang terjejas ternakan mereka akibat banjir di negeri itu baru-baru ini.

"Saya amalkan konsep siapa buat pesanan dahulu, dia dapat, tak kira pengusaha besar atau kecil, pesanan banyak atau sedikit," katanya.

Kebolehpasaran graduan tani lebih 70 peratus

PUTRAJAYA: Kadar kebolehpasaran graduan yang berjaya menamatkan pengajian di pusat-pusat latihan di bawah naungan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan secara puratanya mencapai antara 65 hingga 73 peratus.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, peratusan tersebut merupakan data yang direkodkan dalam tempoh masa lima tahun dengan kadar kebolehpasaran terkini sehingga 28 Februari lalu mencatatkan sejumlah 69.5 peratus graduan berjaya mendapat pekerjaan selepas bergraduasi.

Menurut beliau, kebanyakan mereka yang menamatkan pengajian berjaya menceburi diri dalam bidang agromakanan selain menjadi usahawan.

"Ada juga (di antara mereka) yang melanjutkan pelajaran, angka (kebolehpasaran) menunjukkan lebih 70 peratus dapat pekerjaan itu jadi lebih tinggi. Kalau kita lihat graduan yang mengambil kursus-kursus lain di universiti-universiti belum tentu dapat capai peratusan tersebut dalam keadaan ekonomi ketika ini.

"Mereka yang bergraduasi

si dalam bidang penternakan pula, kita harap mereka terus berkecimpung dalam bidang sama kerana negara (ketika ini) masih lagi mengimport 80 peratus daging lembu dan kambing jadi peluang ini masih terbuka luas untuk mereka yang ingin terlibat.

"Pekerjaan dalam bidang pertanian ini luas kerana keterjaminan makanan adalah isu dunia dan kita lihat kecenderungan anak-anak muda terhadap bidang pertanian sekarang ini tinggi, tak sama macam dulu apabila pertanian dianggap suatu pekerjaan di tahap bawah tapi sekarang sudah ke hadapan," katanya dalam sidang akhbar selepas menghadiri Majlis Konvokesyen Pertanian Kali Ke-11 Tahun 2023 di sini semalam.

Sementara itu, dalam ucapannya, Mohamad berkata, seramai 629 graduan berjaya menamatkan pengajian bagi tahun 2022 yang terdiri daripada 101 graduan Diploma Kemahiran Malaysia, 306 graduan Sijil Kemahiran Malaysia, 156 graduan Sijil Pertanian, 45 graduan Sijil Veterinar Malaysia, 20 graduan Sijil Perikanan serta lapan penerima anugerah khas.



Nikmati kopi dalam gua tarikan baharu di Perlis

PELANCONG ke Perlis kini berpeluang menikmati kopi di dalam gua terletak di Bukit Tau, Padang Lati Padang Besar dan menjadi antara tarikan baharu budak orang ramai yang berkunjung ke negeri ini.

Terdapat beberapa jenis kopi ditawarkan kepada pengunjung di sini harga bermula dari harga serendah RM5 hingga RM8.

Menariknya, selain dapat menikmati kopi dengan suasana dingin di dalam gua berkenaan, pengunjung juga boleh mencuba perkhidmatan kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV) yang disediakan buat pengunjung.

Walaupun baharu beberapa minggu memulakan operasinya, sambutan diterima daripada pengunjung luar begitu memberangsangkan khususnya pada cuti hujung minggu dan persekolahan.

■ **ORANG** ramai tidak melepaskan peluang mengunjungi satu lagi tarikan terbaharu di Negeri Perlis iaitu Cafe yang diusahakan di dalam Gua yang memberi peluang kepada pengunjung untuk bersantai sambil menikmati suasana semulajadi di dalam gua di Bukit Tau, Padang Lati Padang Besar semalam. - UTUSAN/ SHAHIR NOORDIN

Headline	RM160,000 in summonses issued on pig farming related offences		
MediaTitle	China Press		
Date	17 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A7	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	45 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 888
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,663



126宗養豬業違例被罰16萬

（吉隆坡16日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，2021年至2023年3月，共有126宗养猪业违反州条规被罚款的案件，涉及金额16万2550令吉。

他以书面方式回答土团党打昔牛汝莪区国会议员拿督旺赛夫提

问时说，全国目前有375间有准证的养猪场，及125间没有准证的养猪场，猪只密度为85万2780头。

另外，受询政府会否为受养猪场污染影响的农民和渔夫提供赔偿，莫哈末沙布回答政府目前没有给予相关赔偿。

New food security hub in Segamat

Parcels of previously leased land unaffected by floods will be used to grow core crops

By **REMAR NORDIN**
remar.nordin@thestar.com.my

SOME 1,200ha of land in Segamat will be gazetted as the Segamat Agricultural Valley, among Johor government's efforts to turn the district into a national food security hub.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said the Segamat District Office and Segamat Land and Mines Department had agreed on the matter and would send an official request to the state government for the land to be formally gazetted.

"Some of the lands were previously leased and the contracts had not been renewed. So we decided

to gather all of it for our new agricultural land project.

"At the moment, we have identified 1,214ha of land that has not been affected by the recent flood, so we hope that the state government approves this," he said.

The Agriculture Department plans to plant some of the core crops, including pineapples, coconuts, watermelons and herbs, said Zahari.

"We initially planned to divide the land among 30 farmers in Segamat, whereby each of them would have about 40ha of land to work on.

"But some of the applications that we received requested more than 40ha, which means we will not have 30 participants.

"However, the final decision and evaluation will be made by the Segamat District Office," he elaborated.

Zahari, who is also Buloh Kasap assemblyman, hoped that the East Coast Economic Region (ECER) authorities would be able to look into the project and perhaps provide input on how to improve the Segamat Agricultural Valley.

"The recent flood has shed some light on what we can do to improve our district, especially the lives of people living in the area, so we hope that we can get everyone's cooperation for this as the benefits will be reaped by all," he added.

Meanwhile, Zahari said the Federal Government had allocated RM180mil to the Agriculture and

Food Industries Ministry for the Agriculture Disaster Fund.

"Any farmers who have been affected by the floods can apply for this aid through the Agriculture Department by filling out an application form and providing supporting documents such as photos of their damaged farms," he said.

The Johor government, through the Orang Asli Development Department (Jakoa), also handed out food aid in 33 Orang Asli villages where 5,327 victims were affected by the floods, he said.

"The Malaysian Armed Forces have sent food aid too, via helicopter to two Orang Asli villages in Punan and Peta that were cut off due to the recent floods," he added.



Zahari says an official request will be sent to the state government for the land to be formally gazetted.

17/8/2023

HARIAN METRO

LOKAL

6



KENYUKAN harga sayur tidak dapat dikawal melainkan kerajaan melakukan sesuatu untuk memperkatakan sektor peranian bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi.

'Sekarang pun dah mula naik'

Peniaga harga sayur naik setiap kali menjelang Ramadan, Aidilfitri atas faktor permintaan

Oleh Mohd Harris Fadi, Mohd Fadzil harisfadi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Peniaga sayur meningkatkan peningkatan harga barang makanan itu menjelang Ramadan dan Aidilfitri ini. Peniaga, Azza Mahrmi Deen, 62, berdasarkan pengalaman lebih tiga dekad mengusahakan kedai sayur, kenaikan harga berlaku berikutan pembekal mengambal keuntungan sempena musim perayaan. "Memang begitulah dari dulu. Sekarang pun sikit-si-

kit harga dah naik, contohnya tomato sebelum ini antara RM5 ke RM6 kini mencecah RM10 ke RM12 sekilogram (kg). "Pelbagai alasan diberikan pembekal, tetapi yang pastinya harga sayur akan naik setiap kali Ramadan dan Aidilfitri," katanya ketika ditemui di Pasar Besar Taman Tun Dr Ismail di sini, semalam.

Azza berkata, sejak belakangan ini, banyak sayur yang mengalami kenaikan harga terutama tomato, timun dan serai. Bagaimanapun katanya, jika kenaikan tidak terlalu mendadak dia akan mengenkalkan sayur berkenaan

ketika ini adalah berpunca dari cuaca buruk yang melanda beberapa negeri baru ini.

Menurutnya, banjir yang melanda beberapa daerah sebelum ini memusnahkan tanaman di beberapa negeri menyebabkan permintaan sayur di pasaran terutama sekitar Lembah Klang meningkat

"Saya mula berniaga sejak tahun 1992. Sepanjang tempoh itu harga sayur

ini memang akan sentiasa turun naik atas dua faktor utama. Permintaan akan berlaku kekurangan bekalan, jadi pembekal menaikkan harga mereka," katanya.

Tan berkata, kenaikan harga sayur tidak dapat dikawal melainkan kerajaan melakukan sesuatu untuk memperkatakan sektor peranian bagi memastikan bekalan sentiasa mencukupi walaupun berlaku peningkatan permintaan secara mendadak.

"Harga sayur ini dari dulu macam itu, sekejap naik sekejap turun"
Azza



17/8/2023

HARIAN METRO

LOKAL

4

Kuala Lumpur: Kehidupan seorang bapa berubah 360 darjah apabila terpaksa meninggalkan cahaya matanya yang baru berusia empat bulan selepas dijumpai hukuman penjara akibat bergaduh kira-kira empat tahun lalu.

Lebih memulikan apabila Mohd Fadzrul Hakim Othman, 34, sukar menerima kenyataan dan bergelut untuk menyesuaikan diri untuk tempoh beberapa bulan awal dalam penjara yang menjadi pengalaman gelap dalam hidupnya.

Mohd Fadzrul, 34, berkata, meskipun rutin harian berubah apabila berada di penjara, namun dia bersyukur kerana dipertemukan dengan insan hebat yang sentiasa memberi nasihat dan mengajak untuk mendekatkan diri kepada Tuhan.

"Masa masuk (penjara) memang tak tahu nak cagak macam mana perasaan. Masa itu anak baru empat bulan, memang sedih tetapi nasib baik isteri selalu bawa anak melawat. Tetapi sekarang kami dah berpisah. "Pengalaman di dalam

Dulu banduan kini tauke halia



MOHD FADZRUL menunjukkan antara hasil tanaman yang dijelankannya sejak 2021.

(penjara) itu yang membuat saya bertekad untuk berubah, demi anak dan keluarga. Memang susah nak biasakan diri, saya pun tak pernah kena penjara sebelum ini. Jadi bila dah bebas

saya berusaha keras untuk mengubah diri.

"Saya usahakan projek kebun halia di Pekan, Pahang bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di mana hasil jualan

akan dibahagi kepada peserta yang terdiri daripada golongan nelayan", katanya.

Mohd Fadzrul yang sudah tiga dekad menetap di Pekan, Pahang berkata, semuanya



Masa masuk (penjara) memang tak tahu nak cagak macam mana perasaan. Masa itu anak baru empat bulan, memang sedih tetapi nasib baik isteri selalu bawa anak melawat"

Mohd Fadzrul

bermula apabila arwah adiknya mengusahakan projek tanaman halia dengan harapan dapat membantunya apabila bebas kelak.

Menurutnya, niat adiknya tidak kesampaian apabila arwah meninggal dunia akibat komplikasi buah pinggang sekitar Julai 2021 ketika dia sedang menjalani parol di Shah Alam.

"Saya pulang ke kampung selepas dapat parol kemudian pada September (2021), dua bulan selepas adik meninggal dunia. Saya tekad nak mulakan projek tanaman ini, sambung projek adik saya."

"Sebelum ini saya bekerja sendiri buat kerja pendawaian dan baik rumah. Selajutnya saya memang tak ada pengalaman bidang pertanian ini.

"Tetapi saya dah tekad nak sambung projek adik, sebenarnya banyak lagi projek yang kami dah rancang, tapi dia sudah ditakdirkan untuk pergi dulu," katanya.

Menurutnya, selepas hampir dua tahun mengusahakan kebun berkenaan, dia kini mampu menanggung perbelanjaan keluarga dengan pendapatan sekitar RM2,000 hingga RM3,000 sebulan malah mampu menggajikan tiga orang pekerja untuk membantu di kebun.

"Sekarang saya bersyukur selepas tolak semua kos perbelanjaan, saya mampu sara keluarga, bekas isteri pun duduk berdekatan, jadi saya selalu dapat jumpa anak perempuan yang kini berusia empat tahun.

"Ibu, bapa dan abli keluar-ga serta kawan lama banyak bantu, malah tidak menjauhkan diri walaupun saya bekas banduan," katanya.

Fasiliti daging kultur pertama di Pulau Pinang

PETALING JAYA – Cell AgriTech Sdn. Bhd. bakal menubuhkan fasiliti penghasilan daging kultur pertama di Malaysia, bertempat di Pulau Pinang menjelang akhir suku tahun keempat 2024, melibatkan pelaburan RM20 juta.

Syarikat itu bakal melancarkan produk daging kultur pertamanya pada Mei 2025.

Pengasas dan Naib Presiden Penghasilan, Kumpulan Syarikat Cell AgriTech, Jason Ng berkata, daging kultur adalah daging yang dihasilkan daripada pembiakan sel tisu haiwan dalam persekitaran makmal terkawal.

"Ini berbeza daripada kaedah penternakan haiwan konvensional yang melibatkan pemeliharaan dan penyembelihan haiwan.

"Hasil kaedah bioteknologi ini adalah replika daging sebenar yang berpotensi menawarkan rasa, tekstur, dan nilai pema-



Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena Persidangan pertama daging kultur Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini semalam.

Ng berkata, pihaknya bangga menjadi syarikat daging kultur yang pertama di Malaysia dan ingin menawarkan alternatif yang mampan dan lazat kepada produk daging tradisional.

"Kami percaya bahawa daging kultur merupakan makanan masa hadapan dan komited untuk memberi penyelesaian inovatif kepada industri daging dengan memfokuskan kepada bidang pertanian selular.

"Syarikat akan bekerjasama dengan UmamiMeats dari Singapura yang menghasilkan makanan laut kultur untuk meningkatkan pengeluaran makanan laut kultur di Singapura dan Malaysia.

NG (kanan) memberi penerangan tentang proses penghasilan daging kultur di Kuala Lumpur semalam.

kanan yang sama seperti daging penternakan konvensional," katanya yang diperolehi melalui kaedah tanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
17/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Harga sayur naik, peniaga kedai makan tertekan

Oleh ROSMIZAN RESDI
utusannews@mediamula.com.my

KOTA BHARU: Harga sayur-sayuran di negeri ini masih lagi mengalami kenaikan dan situasi itu memberi kesan kepada pengguna termasuklah peniaga kedai makan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati harga beberapa jenis sayur-sayuran masih mengalami kenaikan namun tidak ketara.

Seorang peniaga sayur di Pasar Ketereh Norhayati Md. Nor, 53, berkata, tomato, kubis bunga dan lada merah masih mengalami kenaikan antara RM2 hingga RM4 untuk setiap sekilogram.

"Tomato hari ini dijual RM8 sekilogram berbanding RM4 sebelumnya. Selain itu, kubis bunga sebelum ini dijual pada RM6 naik kepada RM8.

"Lada merah turut mengalami kenaikan kepada RM18 sekilogram berbanding RM16 sebelum ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Norhayati memberitahu, bagaimanapun beberapa jenis sayuran mengalami penurunan harga termasuklah timun yang kini dijual RM4 sekilogram berbanding RM5 sekilogram.

Katanya, sebelum ini sawi dijual pada RM12 dan telah turun kepada RM5 sekilogram.



ORANG ramai mendapatkan bekalan sayur-sayuran di Pasar Ketereh, Kota Bharu, Kelantan semalam. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI.

"Setakat ini, kita tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan bekalan sayur-sayuran dan ia mencukupi untuk keperluan pengguna," ujarnya.

Sementara itu, seorang suri rumah, Masturah Zainal Abidin, 52, berkata, kenaikan harga dan bawahan basah amat memberi kesan kepada pengguna.

"Tidak lama lagi kita akan menyambut bulan Ramadan, pastinya ia akan memberi kesan sekiranya harga sayur-sayuran dan bahan basah masih lagi mengalami kenaikan harga.

"Oleh itu, saya amat berharap agar masalah ini dapat diatasi segera oleh kerajaan dalam membantu mengurangkan kos

sara hidup rakyat yang semakin meningkat," ujarnya.

Seorang peniaga kedai makan, Rosmawati Wahab, 46, berkata, kenaikan harga sayur-sayuran dan bahan basah turut memberi kesan kepada mereka yang terlibat dalam sektor pembuatan makanan termasuklah peniaga kedai makan.

Harga barang asas turun naik

PETALING JAYA: Tinjauan *Utusan Malaysia* di sekitar Subang Jaya semalam, mendapati terdapat barang yang mengalami mempunyai penurunan harga sedikit dan kenaikan barang terdapat beberapa barang keperluan asas.

Antara barang yang mengalami peningkatan harga ialah sayur dan buah, iaitu meningkat kepada 99 sen ke RM1.49 bagi satu kilogram (kg).

Menurut seorang pekerja di sebuah pasar raya, faktor yang menyebabkan kepada kenaikan tersebut adalah disebabkan kos pengangkutan yang mungkin berlaku kerana beberapa kawasan banjir sebelum ini yang menjejaskan pergerakan.

Namun begitu, katanya, pelanggan tidak perlu risau kerana pada masa kini bekalan barang basah masih mencukupi dan tidak akan mempengaruhi harga barang.

Rata-rata pengguna di sekitar Subang Jaya bersetuju dengan harga barang keperluan asas menunjukkan peningkatan namun tidak pada kadar yang mendadak.

Salah seorang pengguna yang ditemui berkata, harga terkini barangan dapur masih dikira berpatutan, malahan dia mengambil kesempatan tersebut untuk membeli persiapan awal bagi bulan Ramadan.

Dalam pada itu, tinjauan yang dilakukan terhadap barang persekolahan mengalami, kenaikan terutamanya kasut, pakaian seragam dan beg sekolah.

Harga yang didapati bagi kasut sekolah ialah RM26 hingga RM50, manakala baju pakaian seragam persekolahan ialah bermula dari RM15.39 hingga RM60.39.

Harga barang naik: Pengguna perlu bijak, jangan asyik salahkan kerajaan sahaja

PETALING JAYA: Pengguna sentiasa berdepan isu kenaikan harga barang sepanjang tahun terutamanya menjelang musim perayaan. Isu ini hanya boleh berubah sekiranya pengguna sendiri bekerjasama untuk membawa perubahan.

Mengapa setiap kali berlaku kenaikan harga barang tidak kira semasa musim perayaan mahupun pandemik Covid-19, kerajaan yang disalahkan?

Malah, kerajaan juga diharap berbuat sesuatu untuk membawa perubahan tetapi pengguna tidak melakukan apa-apa?

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Aktivist Persatuan Pengguna Islam Malaysia

(PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, perubahan boleh dilakukan dengan menjadi pengguna yang bijak, sentiasa bandingkan harga barangan di beberapa lokasi sebelum membuat pembelian.

Katanya, pengguna harus lebih bertanggungjawab dengan mempunyai ilmu mengenai harga barangan yang dibeli, bandingkan harga barangan dengan harga pasaran yang ditentukan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Sentiasa menyimpan resit pembelian supaya dapat dibandingkan harga barangan di pasar raya tersebut dengan pasar raya lain dan jangan meneruskan

pembelian sekiranya mendapati harga yang ditawarkan di lokasi tersebut melebihi daripada harga yang sepatutnya.

"Pada masa yang sama, kita sebagai pengguna harus bekerjasama dengan tidak melakukan pembelian di kedai yang meletakkan harga yang tinggi serta didik anak-anak kita perkara yang sama juga," ujarnya.

Menurut Nadzim, didikan bermula daripada keluarga sendiri, sekiranya ibu bapa melakukan pembelian dengan bijak, sudah pasti anak-anak akan turut mengikut langkah tersebut.

Katanya, pengguna tidak boleh mengambil mudah semua perkara dan harapkan ba-

rangan murah begitu sahaja tetapi tidak mahu mengambil inisiatif sendiri.

"Tanam sayur-sayuran di belakang rumah seperti cili, kacang bendi, tomato, *bok choy* dan kangkung, ini serba sedikit mampu menjimatkan perbelanjaan.

"Pengguna harus proaktif dan mendisiplinkan diri untuk melakukan sesuatu, mereka sedar bahawa isu ini sentiasa berlaku tetapi masih mahu menuding jari menyalahkan orang lain tanpa melakukan apa-apa.

"Kita sebagai pengguna perlu pastikan ada perubahan dalam diri kita, jangan asyik menunggu peniaga atau kerajaan untuk membawa perubahan," ujarnya.